

**Anak Nik Aziz berundur dari Pemuda PAS, beri ruang pemimpin muda
Malaysian Insider
Oct 14 , 2013**

Timbalan Ketua Pemuda PAS Nik Abdul Nik Abdul Aziz (gambar) mengesahkan berundur daripada sayap pemuda parti itu dalam pemilihan barisan kepimpinan parti itu bulan hadapan.

Menurut Ahli Parlimen Pasir Mas itu, ini bagi memberi ruang kepada pemimpin lebih muda, berkaliber dan berkelayakan mengisi kekosongan tempat ditinggalkannya.

"Tahun ini, genap 10 tahun penglibatan saya dalam Dewan Pemuda PAS. Dengan umur saya jauh melewati rakan-rakan lain dalam sayap parti yang gagah, saya fikir sudah tiba masanya untuk berundur.

"Saya sudah maklumkan (pengunduran) ini menerusi Facebook saya dan dalam satu program Pemuda PAS di Johor baru-baru ini," katanya seperti dilaporkan portal Sinar Harian.

Menurut Nik Abdul, beliau meninggalkan Pemuda PAS dalam keadaan baik.

"Saya yakin, ramai layak dan boleh memimpin. Saya yakin perwakilan akan pilih yang terbaik dan berharap semoga kepimpinan baru nanti akan lebih cemerlang," katanya.

Anak kepada bekas Menteri Besar Kelantan Datuk Nik Abdul Aziz Nik Mat itu menyerahkan masa depannya dalam PAS kepada perwakilan parti itu.

"Kalau ada pencalonan lain, saya akan lihat dan berbincang dengan rakan dulu sebelum buat keputusan. Namun sekiranya tiada pencalonan, saya tiada masalah dan tetap teruskan perjuangan," katanya.

Nik Abdul pernah menjadi Ahli Jawatan Kuasa (AJK) PAS Cawangan Pulau Melaka, Ketua Pemuda PAS Kawasan Pengkalan Chepa, AJK Dewan Ulama PAS Kelantan, Setiausaha Lajnah Tarbiah PAS Pusat dan AJK Dewan Pemuda PAS Pusat.

Jawatan Timbalan Ketua Pemuda PAS mula disandang beliau sejak 2011.

Muktamar Dewan Pemuda PAS akan berlangsung pada 20 dan 21 November ini di Dewan Sivik Majlis Bandaraya Petaling Jaya (MBPJ) di Selangor. – 14 Oktober, 2013.

Hakcipta © 2013 The Malaysian Insider

Source:

<http://www.themalaysianinsider.com/bahasa/article/anak-nik-aziz-berundur-dari-pemuda-pas-beri-ruang-pemimpin-muda>

